

**PENILAIAN 'PROGRAM PENYUSUNAN SEMULA KAMPUNG' (PPSK)
OLEH FELCRA BERHAD
KAJIAN KES : FELCRA BERHAD DESA MESRA PERDANA,
BUKIT SEDANAN, DAERAH JASIN, MELAKA**

ZUHAILA BINTI AHMAD ZUBEL

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda
Perancangan Bandar Dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

NOVEMBER 2005

ABSTRAK

Pembangunan tanah dan wilayah merupakan strategi penting dalam pembangunan sektor pertanian di Malaysia. Objektif utama strategi ini adalah untuk membasmi kemiskinan dalam sektor pertanian melalui peningkatan pendapatan dan penyediaan peluang pekerjaan kepada petani yang tidak mempunyai tanah. Untuk tujuan itu, kerajaan telah menubuhkan beberapa agensi bagi membangun dan memajukan tanah di samping meningkatkan taraf ekonomi luar bandar. Salah satu agensi yang ditubuhkan adalah Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA). Penumpuan bagi kajian ini menjurus kepada keberkesanan skim pembangunan tanah yang telah dilaksanakan oleh FELCRA Berhad Bukit Sedanan, Melaka. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji pengalaman FELCRA Berhad Bukit Sedanan bagi mengenalpasti faktor-faktor kejayaan dan kegagalan skim tersebut. Kaedah Pengumpulan Data bagi kajian ini melibatkan pengumpulan dua data utama iaitu pengumpulan data sekunder dan data primer. Bagi pengumpulan data sekunder, penulis perlu mengenalpasti dan memahami pendekatan (model) yang diaplikasi, strategi, proses dan aktiviti pembangunan tanah yang telah dilaksanakan. Melalui pengumpulan data primer, penulis menggunakan dua pendekatan melalui temuramah dengan pihak pengurusan FELCRA Berhad Bukit Sedanan dan pengedaran borang soal selidik kepada 85 orang responden yang terdiri daripada peserta skim ini. Analisis yang digunakan ialah Analisis Statistik Frekuensi dan kaedah analisis "*Crosstabulation*". Hasil akhir kajian adalah untuk melihat potensi pembangunan tanah melalui penyatuan dan pemulihan tanah yang telah dijalankan melalui faktor-faktor kejayaan dan kegagalannya. Potensi dinilai berdasarkan pendekatan melalui analisis dan penilaian pembangunan kawasan luar bandar oleh agensi dan negara-negara lain.

ABSTRACT

Land development and urbanization are among the important strategy in the agricultural sector in Malaysia. The main objective of this strategy is to prevent poverty in agriculture sector by increasing wages and employment to the farmers did not own any land. Hence, government has organized some agency in order to develop the land usage as well as to increase the level of rural economy. One of the agencies that have been set up is Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA). Discerning about this fact, a study focused on the effectiveness of land development scheme implemented by FELCRA Berhad Bukit Sedanan, Melaka has been made. The main objective of this study is to find the experiences and the practice that has been used by FELCRA Berhad Bukit Sedanan in order to identify the factors of tremendous achievement or the failure of the scheme. Data collection method of this study involved two main data collection which is secondary and primary data collection. In secondary data collection, the models of applications, strategies, and activities of land development that has been performed will be identified and apprehended. In primary data collection, two method to emphasis the study has been made which are by informal interviews and by distribution of questionnaires to 85 respondent who joined the scheme. The method of analysis that being used in this study is Statistical Frequency Analysis and Crosstabulation analysis method. At the end of this study, conclusion will be made by observing the potential land development by land consolidation and rehabilitation that has been implement and the factors of its success and failure. The potential is evaluated by the analysis method and the rural development assessment by other agencies and countries.